



SEBAHAGIAN daripada kakitangan UEM Sunrise bekerjasama menubuhkan Bukuhub di Gelang Patah, Johor baru-baru ini.

Projek CSR UEM Sunrise di kampung Orang Asli

KUALA LUMPUR – Pemaju hartanah, UEM Sunrise menutup tirai tahun 2020 dengan melaksanakan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di sekitar kawasan pembangunannya.

Ketua Pegawai Penyampaian Prestasi dan Komersial UEM Sunrise, Anuar Kasim berkata, di Kampung Orang Asli Simpan Arang, Gelang Patah, Johor, UEM Sunrise menubuhkan Bukuhub, perpustakaan mini bagi memupuk budaya membaca dan memudahkan orang ramai meminjam, bertukar-tukar atau membaca buku secara percuma.

Selain itu, kakitangan UEM Sunrise telah memberi sumbangan bekalan runcit kepada rumah kebajikan, Sunteck

Handicapped Welfare Organisation di Taman City, Kepong sempena sambutan Hari Natal hujung tahun lalu.

“Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha syarikat dalam melaksanakan dan menyokong pelbagai aktiviti berkaitan kemasyarakatan dan pendidikan dalam memacu program kemampanan masyarakat yang bermanfaat untuk orang awam,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Bermula tahun 2021, UEM Sunrise akan memperluaskan aktiviti lanjutan daripada program Bukuhub melalui pelbagai jalinan kerjasama serta edaran komputer kepada sekolah angkat dan projek menanam pokok di Iskandar Puteri, Johor.